



memainkan peranan dalam menyebarkan isu kepenggunaan. Misalnya, mereka boleh mengadakan slot kepenggunaan di mana masyarakat yang ingin mengadakan apa sahaja mengenai masalah kepenggunaan boleh membuat demikian dengan mengutarakannya di radio. Jadi, jika terdapat sebarang masalah, mereka ada tempat untuk mengadakan perkara tersebut dan pihak KPDKK sendiri boleh bekerjasama dengan pihak stesen radio bagi menyelesaikan masalah yang diadukan oleh masyarakat mengenai isu kepenggunaan ini. Di samping itu, pihak media juga boleh membuat filem atau drama yang berkaitan dengan isu kepenggunaan ini. Melalui drama atau filem mini, masyarakat boleh mendapat gambaran yang lebih jelas berhubung apa sahaja isu yang dipaparkan melibatkan hal kepenggunaan ini. Medium ini sangat efektif kerana mereka lebih mudah untuk mengadaptasi apa yang ingin disampaikan kepada mereka. Antara peranan media yang lain ialah, dengan menyediakan ruangan khas di dalam akhbar bagi memudahkan sesiapa sahaja terutamanya penduduk di luar bandar untuk mengajukan soalan dan membuat aduan tentang apa sahaja masalah yang berhubung

program tentang kepenggunaan di televisyen untuk menarik minat masyarakat tentang hal-hal kepenggunaan ini. Melalui program-program kepenggunaan ini ianya banyak memberi maklumat yang berguna dan menjadi sebagai rujukan kepada penduduk luar bandar tentang apa itu kepenggunaan sebenarnya agar mereka dapat mempraktikkannya di dalam kehidupan seharian mereka. Pihak media juga boleh bekerjasama dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi mengadakan kempen kesedaran kepenggunaan. Kempen ini boleh dijalankan di kawasan-kawasan luar bandar khususnya bagi memberi pendedahan kepada mereka tentang hak mereka, isu-isu kepenggunaan, langkah menjadi pengguna yang bijak dan banyak lagi. Ianya merupakan satu platform bagi penduduk luar bandar untuk bertemu sendiri dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKK) dengan bantuan pihak media dan mereka boleh mengajukan apa sahaja persoalan yang selama ini mereka ingin ketahui berkenaan hal kepenggunaan. Antaranya dengan mengadakan kempen-kempen di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di pusat bandar, pasar, sekolah-sekolah dan sebagainya. Stesen radio juga boleh

sendiri tidak kiralah tentang isu kepenggunaan atau langkah menjadi pengguna yang bijak. Iklan merupakan satu medium yang sangat bagus dalam mendidik dan menyebarkan tentang hal kepenggunaan ini. Selalunya, masyarakat lebih mudah untuk memahami maksud iklan yang disampaikan melalui iklan itu sendiri. Ianya memudahkan masyarakat luar bandar kerana maklumat tersebut boleh diperolehi melalui televisyen sahaja. Pihak media juga boleh menghebahkan informasi dengan memaparkan masalah berkaitan kepenggunaan di slot berita misalnya agar masyarakat terutamanya yang berada di luar bandar mengetahui antara isu terkini dalam hal kepenggunaan. Dengan itu, mereka boleh mengambil langkah berjajaga-jaga agar tidak mudah tertipu oleh sesetengah pihak yang ingin mengeksploitasi mereka disebabkan mereka kurang pendedahan mengenai hal ini. Misalnya, media menyiarkan berita mengenai kes penyelewengan serta pendakwaan ke atas Koperasi, termasuk yang menjalankan skim cepat kaya. Selain itu, media boleh juga mengadukan

untuk menjadi pengguna yang bijak. Kurangnya pendedahan kepada mereka menyebabkan ramai masyarakat di luar bandar tidak tahu apakah tindakan yang mereka patut ambil jika mereka terlibat di dalam mana-mana isu kepenggunaan. Media massa perlu memainkan peranan sebagai mata dan telinga kerajaan dan harus bersama membantu Kementerian menjalanan tugas melindungi kepentingan pengguna di luar bandar daripada dieksploitasi oleh amalan perdagangan yang kurang sihat. Penduduk di luar bandar memerlukan maklumat kepenggunaan agar lebih bijak dalam membuat pemilihan dan bertindak rasional membuat keputusan. Oleh itu, antara langkah yang boleh diambil oleh pihak media ialah mereka seharusnya memperbanyakkan siaran artikel yang menerangkan hak-hak pengguna. Dengan cara ini, penduduk luar bandar yang membeli akhbar akan mendapat gambaran yang jelas mengenai hak mereka dan lebih peka tentang hak mereka. Selain itu, pihak media boleh bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK) dengan mengadukan iklan tentang kepenggunaan ini

kait dengan isu kepenggunaan. Ianya merupakan salah satu langkah yang bagus kerana kadang kala masyarakat di luar bandar tidak tahu di mana hendak membuat aduan atau bertanyakan pendapat berhubung isu ini. Jadi akhbar sendiri boleh memainkan peranan yang penting dalam membantu masyarakat. Selain itu, pihak media boleh menggunakan medium internet dalam menyampaikan apa sahaja berita terkini berkenaan isu kepenggunaan ini. Hal ini sangat memudahkan kerana dengan internet, maklumat terkini yang ingin disampaikan akan disampaikan dengan cepat, pantas. Oleh itu, penduduk luar bandar akan mengetahui apa yang berlaku dengan pantas berbanding melalui akhbar. - Terbitan Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL); PKPKL@hotmail.com dengan kerjasama KPDKK

memainkan peranan dalam menyebarkan isu kepenggunaan. Misalnya, mereka boleh mengadakan slot kepenggunaan di mana masyarakat yang ingin mengadakan apa sahaja mengenai masalah kepenggunaan boleh membuat demikian dengan mengutarakannya di radio. Jadi, jika terdapat sebarang masalah, mereka ada tempat untuk mengadakan perkara tersebut dan pihak KPDKK sendiri boleh bekerjasama dengan pihak stesen radio bagi menyelesaikan masalah yang diadukan oleh masyarakat mengenai isu kepenggunaan ini. Di samping itu, pihak media juga boleh membuat filem atau drama yang berkaitan dengan isu kepenggunaan ini. Melalui drama atau filem mini, masyarakat boleh mendapat gambaran yang lebih jelas berhubung apa sahaja isu yang dipaparkan melibatkan hal kepenggunaan ini. Medium ini sangat efektif kerana mereka lebih mudah untuk mengadaptasi apa yang ingin disampaikan kepada mereka. Antara peranan media yang lain ialah, dengan menyediakan ruangan khas di dalam akhbar bagi memudahkan sesiapa sahaja terutamanya penduduk di luar bandar untuk mengajukan soalan dan membuat aduan tentang apa sahaja masalah yang berhubung

sendiri tidak kiralah tentang isu kepenggunaan atau langkah menjadi pengguna yang bijak. Iklan merupakan satu medium yang sangat bagus dalam mendidik dan menyebarkan tentang hal kepenggunaan ini. Selalunya, masyarakat lebih mudah untuk memahami maksud iklan yang disampaikan melalui iklan itu sendiri. Ianya memudahkan masyarakat luar bandar kerana maklumat tersebut boleh diperolehi melalui televisyen sahaja. Pihak media juga boleh menghebahkan informasi dengan memaparkan masalah berkaitan kepenggunaan di slot berita misalnya agar masyarakat terutamanya yang berada di luar bandar mengetahui antara isu terkini dalam hal kepenggunaan. Dengan itu, mereka boleh mengambil langkah berjajaga-jaga agar tidak mudah tertipu oleh sesetengah pihak yang ingin mengeksploitasi mereka disebabkan mereka kurang pendedahan mengenai hal ini. Misalnya, media menyiarkan berita mengenai kes penyelewengan serta pendakwaan ke atas Koperasi, termasuk yang menjalankan skim cepat kaya. Selain itu, media boleh juga mengadukan

untuk menjadi pengguna yang bijak. Kurangnya pendedahan kepada mereka menyebabkan ramai masyarakat di luar bandar tidak tahu apakah tindakan yang mereka patut ambil jika mereka terlibat di dalam mana-mana isu kepenggunaan. Media massa perlu memainkan peranan sebagai mata dan telinga kerajaan dan harus bersama membantu Kementerian menjalanan tugas melindungi kepentingan pengguna di luar bandar daripada dieksploitasi oleh amalan perdagangan yang kurang sihat. Penduduk di luar bandar memerlukan maklumat kepenggunaan agar lebih bijak dalam membuat pemilihan dan bertindak rasional membuat keputusan. Oleh itu, antara langkah yang boleh diambil oleh pihak media ialah mereka seharusnya memperbanyakkan siaran artikel yang menerangkan hak-hak pengguna. Dengan cara ini, penduduk luar bandar yang membeli akhbar akan mendapat gambaran yang jelas mengenai hak mereka dan lebih peka tentang hak mereka. Selain itu, pihak media boleh bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK) dengan mengadukan iklan tentang kepenggunaan ini

